



## **Amalan Pertanian Baik BRUNEI / BRUNEI Good Agricultural Practice (BRUNEI GAP)**

### **Amalan Pertanian Baik / Good Agricultural Practice (GAP)**

Sistem penanaman yang bersepadu/ meliputi pelbagai teknik yang digunakan untuk membantu peladang dalam menghasilkan produk yang lebih selamat daripada pencemaran kuman dan sisabaki racun kimia pertanian, menjamin kualiti produk dan menaiktaraf produk yang dihasilkan. GAP juga memfokuskan kepada sistem pertanian yang sistematik, teratur dan terutama sekali di dalam penggunaan rekod ladang bagi tujuan pengesanan semula atau *traceability* jika terdapat masalah yang berkaitan dengan produk yang dihasilkan. Jenis rekod-rekod pengurusan ladang adalah seperti:

- Rekod pembelian biji benih, baja, racun, mesin dan perkakas ladang
- Rekod Pembajaan
- Rekod Penggunaan Racun Kimia Pertanian
- Rekod Latihan Pekerja
- Rekod Tuaian
- Rekod penanaman seperti tarikh menanam, memindah dan sebagainya.

Selain mementingkan keselamatan makanan dan kualiti produk, GAP juga mementingkan keselamatan dan kesejahteraan pekerja dan keselamatan alam sekitar.

### **Piawaian BRUNEI GAP**

BRUNEI GAP adalah merupakan piawaian nasional diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sejak 2014 bagi penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Pelaksanaan Program BRUNEI GAP adalah berdasarkan kepada Piawaian BRUNEI GAP: i) Modul Keselamatan Makanan, PBD28:2015 dan ii) Modul Kualiti Produk, PBD29:2015.

### **Langkah-langkah bagi mendapatkan pensijilan BRUNEI GAP**

Proses Skim BRUNEI GAP:-

- i. Pengusaha / peladang memohon kepada Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan melalui Pejabat Unit Pengembangan Pertanian Daerah yang berdekatan atau Pejabat Bahagian Industri Tanaman yang berkenaan untuk mengikuti program BRUNEI GAP.
- ii. Teknikal Komiti BRUNEI GAP, yang terdiri dari Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, akan membantu pihak pengusaha / peladang dalam meningkatkan atau mengubahsuai prosedur pengurusan ladang bagi memenuhi keperluan setiap modul yang berkenaan. Sekiranya diperlukan, pengusaha atau peladang akan menjalani latihan-latihan yang berkenaan Amalan Pertanian Baik Brunei seperti tatacara penggunaan racun, baja, kebersihan diri dan pengendalian lepas tuai yang akan dikendalikan secara perkhidmatan oleh pihak Tenaga Pengajar/ Pelatih BRUNEI GAP yang telah dilantik.
- iii. Setelah penilaian mendapati bahawa pengusaha / peladang telah memenuhi syarat, pengusaha / peladang boleh memohon kepada Komiti Pengurusan BRUNEI GAP untuk menjalankan pengauditan ladang.

- iv. Pengauditan ladang dijadualkan oleh Komiti Pengurusan BRUNEI GAP dan dijalankan oleh Juruaudit ladang yang dilantik.
- v. Audit dijalankan dan hasil audit dilaporkan:
  - a. Pengiktirafan boleh dicapai bagi satu atau lebih dari satu modul tertakluk kepada skop pengauditan.
  - b. Audit akan dijalankan semula untuk memastikan pembetulan dilakukan oleh pihak pengusaha / peladang bagi ladang yang tidak memenuhi kriteria pengauditan.

*Nota* : Proses peningkatan dan mengubahsuai prosedur pengurusan ladang akan memakan masa 1 ke 2 tahun mengikut keupayaan ladang atau syarikat.

### **Berminat untuk mendapatkan pensijilan BRUNEI GAP?**

Borang Permohonan boleh didapati dari Pejabat Unit Pengembangan Pertanian di Daerah-Daerah atau Pejabat Bahagian Industri Tanaman, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga boleh dimuat-turun dari laman sesawang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di <http://www.agriculture.gov.bn> untuk diisikan sebelum berhubung dengan pegawai di Unit Pengembangan Pertanian Daerah-Daerah atau Bahagian Industri Tanaman.

Bagi Maklumat Lanjut mengenai Program BRUNEI GAP, sila hubungi:

#### **Urusetia BRUNEI GAP**

Bahagian Industri Tanaman  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,  
Jalan Menteri Besar,  
Bandar Seri Begawan, BB3910,  
Negara Brunei Darussalam  
**Telefon: +673-2388000**  
**Alamat Emel: [bruneigap@agriculture.gov.bn](mailto:bruneigap@agriculture.gov.bn)**

